

16 JUN 2003

SABAH BELUM BUAT KEPUTUSAN BERI BONUS KEPADA KAKITANGAN AWAM

KOTA KINABALU, 16 Jun (Bernama) -- Kerajaan Sabah belum memutuskan memberi bonus setengah bulan gaji kepada kakitangan awam negeri seperti yang dinikmati rakan mereka yang berkhidmat dengan kerajaan Persekutuan.

"Perkara itu (bonus) belum lagi kita bincang," kata Ketua Menteri Datuk Musa Aman selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kabinet negeri, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada kerajaan negeri akan mengikut jejak kerajaan Persekutuan membayar bonus berkenaan kepada kakitangan awamnya.

Ketika membentangkan pakej stimulus pada 21 Mei lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pemberian bonus setengah bulan gaji kepada kakitangan awam Persekutuan yang akan dibayar dalam bulan Jun ini dalam usaha merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai rungutan sesetengah pihak berhubung kelewatan Jabatan Ketua Menteri mengeluarkan pas kerja khusus kepada para doktor dari Semenanjung yang ditugaskan di Sabah, Musa berkata: "tidak menjadi masalah bagi kerajaan negeri meluluskan permohonan pas kerja asalkan ia memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan".

Mengenai cadangan Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Shafie Apdal supaya kawalan laluan masuk ke perairan negeri ini yang kini diselenggarakan pasukan polis dan tentera turut disertai agensi kerajaan negeri yang lain, beliau berkata kerajaan negeri sedia menimbangkannya jika ia membawa kebaikan untuk semua.

Bagaimanapun, setakat ini, beliau belum menerima sebarang cadangan berhubung perkata itu.

-- BERNAMA

NT ZB